

13 JUL 1997

Chua-Coxsackie

MEDIA ASING BURUKKAN MALAYSIA MENGENAI WABAK COXSACKIE

KANGAR, 13 Julai (Bernama) -- Tindakan media asing yang sengaja memberikan gambaran salah mengenai wabak coxsackie yang melanda negara ini boleh menjejaskan usaha kerajaan menarik pelancong ke Malaysia.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata media asing masih melihat wabak itu berada di tahap yang serius dan cuba menggambarkan kelemahan negara ini dalam menanganinya.

Perkara itu berlaku apabila terdapat salah lapor mengenai situasi sebenar wabak berkenaan dalam Internet yang menjadi tatapan seluruh dunia, katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan MCA Perlis di sini hari ini.

Sebagai contoh, Chua berkata, beliau dihujani dengan pelbagai pertanyaan mengenai situasi wabak itu ketika menghadiri satu persidangan mengenai perubahan dan kesihatan di Indonesia baru-baru ini.

Katanya, mereka melihat wabak itu sebagai terlalu serius sebagaimana yang digambarkan melalui Internet dan beliau telah memberi gambaran sebenar mengenainya.

Chua berkata, beliau bimbang usaha murni Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini mempromosikan Malaysia di luar negara juga akan terjejas dengan laporan yang tidak tepat itu.

Katanya wabak coxsackie yang melanda negara ini kian reda dan sejak 13 hari lalu tiada kes yang membabitkan kematian dilaporkan di seluruh negara.

Sehingga ini, hanya 154 pesakit masih dirawat di hospital daripada sebanyak 3,799 yang dikesan menghidap penyakit itu yang telah mengorbankan 30 orang kanak-kanak, kesemuanya di Sarawak.

Chua berkata beliau berpuas hati dengan semangat dedikasi para pakar dan doktor yang mengetuai usaha menangani wabak itu hingga keadaan kian reda.

Sementara itu, ketika merasmikan persidangan itu, Chua, yang juga Naib Presiden MCA, berkata parti itu kini sedang berusaha untuk meningkatkan martabat para pemimpin wanitanya.

Lebih banyak pemimpin wanita MCA akan ditonjolkan sama ada sebagai wakil rakyat atau perwakilan dalam majlis-majlis kerajaan tempatan.

Menjelang tahun 2005, MCA mahu satu pertiga daripada kerusi MCA dalam keanggotaan majlis-majlis kerajaan tempatan diberikan kepada pemimpin wanitanya.

-- BERNAMA

AD AKD